



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN KELANTAN

TRANSKRIP WAWANCARA KISAH AWANG SI JAMBUL LEBAT DAN
KEMUNCULANNYA BERSAMA ENCIK SIRI NENG BUAH

OLEH:

NUR IZZATI BINTI SHUKRI
NUR HANANI BINTI RUSLI

(2014338341)
(2014135589)

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604-PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05(MAC 2016-JULAI 2016)

Isi Kandungan

1.0	PENGHARGAAN.....	2
2.0	ABSTRAK	3
3.0	BIODATA TOKOH.....	4
4.0	Pengenalan: Awang Selamat	6
5.0	TRANSKRIP	8
	Bahagian A: Latar Belakang Pencerita.....	8
	Bahagian B: Latar Belakang Awang Selamat	30
	Bahagian C: Perjalanan Hidup Awang Selamat	42
	Bahagian D: Pesanan pencerita kepada generasi akan datang.....	48
6.0	RUJUKAN	53
7.0	LAMPIRAN	54
7.1	LOG WAWANCARA.....	54
	Bahagian A : Latar Belakang Pencerita.....	54
	Bahagian B : Latar Belakang Awang Selamat	58
	Bahagian C : Perjalanan Hidup Awang Selamat	61
	Bahagian D: Pesanan Pencerita Kepada Generasi Akan Datang.....	63
7.2	SURAT PERJANJIAN.....	64
7.3	SENARAI SOALAN.....	65
	Soalan Bahagian A: Latar Belakang Pencerita.....	65
	Soalan Bahagian B: Latar Belakang Awang Selamat.....	67
	Soalan Bahagian C: Perjalananan Hidup Awang Selamat	69
	Soalan Bahagian D: Pesanan pencerita kepada generasi akan datang.....	71
7.4	DIARI KAJIAN.....	72
8.0	INDEKS	74

1.0 PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirahim..

Alhamdulillah,bersyukur ke atas ilahi dengan limpahan rahmat serta nikmat masa,nyawa tenaga yang dianugerahkan kepada kami dapat juga kami menyiapkan tugas ini dengan jayanya.

Pertamanya, kami ingin mendedikasikan ucapa penghargaan ini kepada pensyarah tercinta kami, Puan Noor Kamariah binti Othman kerana dengan tunjuk ajar serta bimbingan daripadanya membuka ruang untuk kami menyiapkan tugas ini dengan suksesnya.

Kami juga ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada ibu bapa kami yang memberi kami pemudahcara untuk menyiapkan kerja kursus ini. Mereka telah memberikan kami segala kemudahan dan sokongan moral yang tidak terhingga sampai kami berjaya menghabiskan tugas ini.

Ucapan penghargaan ini juga kami tujukan kepada rakan-rakan yang banyak memberi peringatan terhadap setiap apa yang kami telah alpa. Mereka membantu kami dengan menjawab setiap pertanyaan yang kami uterakan kepada mereka.

Akhir madah, kami mengucapkan terima kasih kepada mereka yang terlibat secara lansung atau sebaliknya dalam pembikinan kerja kursus ini. Terima kasih.

2.0 ABSTRAK

Abstrak : *Projek ini mengenai cerita dongeng ataupun cerita rakyat di negeri Kelantan iaitu Awang Si Jambul Lebat yang lebih dikenali sebagai Awang Selamat. Transkrip ini menerangkan tentang butiran peribadi dan sedikit latar belakang mengenai seorang tokoh yang telah ditemuramah iaitu Encik Siri Neng Buah. Encik Siri Neng Buah sangat terkenal di Kelantan kerana beliau sangat arif tentang kesenian dan warisan di negeri Kelantan dan beliau telah diiktiraf sebagai Tokoh Orang Hidup di Malaysia. Seterusnya, transkrip ini menerangkan tentang latar belakang Awang Selamat, tentang kewujudannya di negeri Kelantan, adakah cerita Awang Selamat hanya sekadar mitos rakyat di Kelantan dan sebagainya. Selain itu, transkrip ini juga menceritakan tentang Puteri Saadong yang berkait rapat dengan kehidupan Awang Selamat. Seterusnya, menerangkan juga kesan-kesan sejarah yang telah ditinggalkan oleh Awang Selamat. Encik Siri Neng Buah juga berkongsi pendapat dan nasihat untuk generasi akan datang tentang kepentingan cerita-cerita rakyat yang banyak memberi kata-kata nasihat dan boleh dijadikan teladan dalam kehidupan.*

Kata Kunci : *Awang Si Jendul Lebat, Awang Selamat, Siri Neng Buah*

3.0 BIODATA TOKOH

Butiran Warisan : **SIRI NENG BUAH**
Bidang : **PENGGIAT DAN PAKAR RUJUK ADAT BUDAYA**

Latar Belakang Tokoh

En Siri Neng Buah merupakan seorang penggiat seni 1Malaysia yang dilahirkan pada 9 Disember 1953. Mendapat pendidikan awal darjah 1 di Sekolah Umum Kluang yang menggunakan tulisan jawi. Hanya pada Tahun 3 baru beliau mengenali abjad rumi. Pada usia 9 tahun juga beliau di hantar oleh datuknya untuk mempelajari bahasa Thai di Wat Phikulthong, Kg. terbak, Tumpat, Kelantan dan melanjutkan pelajaran peringkat menengah di Sekolah Melayu Tumpat dan di sekolah swasta di Kota Bharu. Beliau telah melanjutkan pelajaran di Universiti Er Langa, Surabaya dan memperolehi ijazah pengajian Kesusasteraan dan Sains Politik di Universiti Sains Malaysia. Beliau kini sedang menyiapkan pengajian peringkat Sarjana dalam bidang Warisan di Universiti Malaysia Kelantan.

Anak kelahiran Kampung Pak Kiang, Terengganu ini berketurunan Siam telah membuka minda dan fikiran masyarakat Malaysia bahawa memahami dan mendalami budaya masyarakat majmuk menjadikan Malaysia mampu mengharungi cabaran ke-5 Wawasan 2020 iaitu "*Mewujudkan masyarakat yang liberal dan bertolak ansur, di mana masyarakat pelbagai kaum di Malaysia bebas mengamalkan adat, kebudayaan dan kepercayaan agama mereka dan pada masa yang sama meletakkan kesetiaan mereka pada satu negara.*" Kepekaan beliau ke arah ini menjadikan beliau seorang yang mempunyai pengetahuan luas *seumpama gedung ilmu bergerak* berkaitan budaya masyarakat di Malaysia. Kepakaran beliau tidak disangkal terutama di dalam ilmu perdalangan wayang kulit Siam Kelantan, menora, gendang Siam (klong yau), adat istiadat masyarakat Siam, adat istiadat masyarakat Melayu, kesusasteraan Melayu dan sebagainya. Pengetahuan luas beliau turut melangkaui kebudayaan masyarakatnya kerana arif mengenai kebudayaan masyarakat Melayu seperti Mak Yong, dikir barat, main peteri, bageh, permainan tradisi seperti wau bulan, gasing uri dan lain-lain lagi.

Kepakaran yang dimiliki membolehkan beliau kerap diundang oleh pelbagai agensi dan institusi untuk memberi ceramah dalam bidang kebudayaan dan kesenian tradisional. Beliau

sering dilantik sebagai moderator dalam aktiviti ilmiah berkaitan kesenian tradisional. Kini beliau merupakan pakar rujuk tetap Ensiklopedia Tradisi Lisan Dewan Bahasa dan Pustaka. Sumbangan beliau amat besar kearah memartabatkan khazanah negara. Beliau merupakan pencetus program “Pesta Citrawarna” yang kini menjadi acara tahunan negara. Pesta ini berjaya mempromosi seluruh kebudayaan masyarakat Malaysia dimana penganjuran pertama diadakan pada tahun 1999.

Justifikasi:

- Merupakan seorang rakyat Malaysia berketurunan Siam yang sangat menghargai nilai kebudayaan seluruh masyarakat majmuk di Malaysia.
- Mempunyai kepakaran dan pengetahuan luas kebudayaan negara sehingga mendapat tempat sebagai pakar rujuk tertentu dalam hal-hal kebudayaan negara.
- Mempunyai daya usaha meninggikan apa-apa jua kebudayaan yang membawa kepada keharmonian negara tanpa mengira kaum.
- Beliau menjadi sumber rujukan pantas memandangkan pengetahuan luas yang dimiliki dan mampu meluahkan secara langsung melalui ceramah yang disampaikan.
- Seorang yang memiliki pelbagai kebolehan dalam bidang kesusasteraan Melayu samada melalui penulisan atau melalui lisan.

4.0 PENGENALAN: AWANG SELAMAT

Awang Selamat ialah seorang pengawal peribadi kepada Puteri Sa'adong ketika Puteri Sa'adong bersemayam di Bukit Marak berdekatan dengan Bachok dan akhirnya ke Gunung Ayam berhampiran Sungai Nenggiri. Awang Selamat bukan manusia biasa, tetapi makhluk ghaib. Tubuh Awang Selamat sangat besar dan perkasa. Awang Selamat berkomunikasi dengan hanya membisikkan kata-katanya kepada Puteri Sa'adong. Awang Selamat juga dikatakan muncul melalui jelmaannya.

Terdapat konflik antara Raja Abdullah dan Puteri Sa'adong dimana Puteri Saadong berittah supaya dirinya diserahkan kepada Raja Siam dengan syarat suaminya dan rakyat Jelasin tidak akan diusik bahkan akan dinaungi dari sebarang ancaman oleh Raja Siam. Puteri Sa'adong mengasingkan diri bersama dayang-dayangnya dan penjaganya yang bernama Awang Selamat dimana Awang Selamat dikatakan hanyalah makhluk ghaib dan hanya muncul melalui jelmaan dan bisikan-bisikannya sahaja. Mereka mengasingkan diri di Bukit Marak berdekatan Bachok dan akhirnya ke Gunung Ayam berhampiran Sungai Nenggiri. Sewaktu Puteri Saadong bersemayam di Bukit Marak, penduduk tempatan meriwayatkan sekiranya ada majlis kenduri kendara, maka penduduk-penduduk disitu akan meminjam pinggan-mangkuk yang ditemui di sebuah gua di bukit tersebut. Pinggan mangkuk itu dikatakan milik Puteri Saadong. Seperti yang kita duga, pinggan mangkuk itu kemudiannya ada yang pecah dan ada yang tidak dikembalikan.

Selain itu, terdapat juga kesan-kesan sejarah dan sumbangan Awang Selamat antaranya tempat yang sering dikunjungi oleh ribuan pelawat untuk menyaksikan pelbagai kesan peninggalan seperti batu yang menyerupai gajah, gendang batu dan bilik persolekan peninggalan Puteri Sa'adong di puncak Bukit Marak. Bekas tapak kaki yang ditemui di Bukit Marak dipercayai ditinggalkan oleh Awang Selamat. Bekas Tapak kaki itu berukuran 45 sentimeter panjang dan 24 sentimeter lebar. Awang Selamat juga meninggalkan beberapa kesan lain antaranya batu asah parang yang lekuknya masih menakung air. Air ini dipercayai tidak akan kering walaupun pada musim kemarau yang panjang.

Seterusnya, terdapat juga kejayaan dan pencapaian iaitu Awang Selamat berjaya memikul batu dating sehingga ke Bukit Marak. Sejak beratus tahun dahulu, lima batu kecil yang dipikul Awang Selamat jatuh ke Kampung Berhala Lima manakala batu-batu besar jatuh di Kampung Bukit Marak, berdekatan dengan kampong tersebut. Sebelum kedatangan

Awang Selamat, kampung tersebut dikenali sebagai Kampung Tok Batu namun setelah lima batu itu dipuja (Kelantan memanggil 'puja' sebagai 'berhala') lalu nama baru kampung ini menjadi Kampung Berhala Lima. Lagenda tersebut bermula apabila Puteri Saadong dikatakan menjadikan lima batu tersebut sebagai tempat persinggahan untuk bersiram dan bermain-main pada waktu kelapangan. Awang Selamat yang mana merupakan 'hulubalang' Puteri Sa'adong berjaya memujuk Puteri Sa'adong untuk pulang ke pangkuan suaminya, Raja Abdullah dengan hanya melalui bisikannya ketika panglima perang Raja Siam.

5.0 TRANSKRIP

NIS : Nur Izzati Shukri

NHR : Nur Hanani Rusli

SNB : Siri Neng Buah

Bahagian A: Latar Belakang Pencerita

NIS : Assalamualaikum dan salam sejahtera 25[*dua puluh lima*] haribulan April 2016 pukul 2.40 petang hari Isnin. Saya Nur Izzati Binti Shukri dan rakan saya Nur Hanani Binti Rusli berada di Kampung Kok Seraya, Tumpat Kelantan akan menemubual Encik Siri Neng Buah atau dikenali sebagai *Pok*[Pak] Siritentang cerita-cerita rakyat atau mitos berkait rapat dengan Awang Si Jendul Lebat. Awang Si Jendul Lebat adalah salah satu cerita rakyat yang dikenali di negeri Kelantan tapi tidak ramai yang mengetahui cerita ini. Temubual ini bertujuan untuk mengenali lebih lanjut cerita rakyat Si Jendul Lebat. Yang mana ianya juga untuk memenuhi keperluan subjek IMR604 Pendokumentasian Sejarah Lisan dimana subjek ini terkandung di dalam silibus ijazah kami iaitu Izazah, Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Sistem Maklumat UITM [Universiti Teknologi MARA] cawangan Machang. Temuramah ini akan dibuku di dalam bahan bercetak dimana generasi-generai akan datang dan pengguna-pengguna boleh baca sekaligus membolehkan cerita Si Jendul Lebat dikenali sehingga 100 tahun akan datang, mungkin. (bunyi mengelap hidung) kita boleh mula ye.

NIS : Boleh Pak Cik cerita latar belakang Pak Cik ?

SNB : __ ye. Salam sejahtera anda semua, nama saya yang diberikan oleh orang tua saya ialah Siri__ di negara kita, kita ada nama dan jugak[juga] diberinya anak siapa. Maksudnya bapak[bapa] kita. Di sesetengah negara tidak diberikan begitu. Di sesetengah negara diberikan nama dan margat[maksud]. Tapi Pak ni[ini] di negara kita nama dan anak siapa dan__ orang tua Pak namanya Neng Buah. Di dalam surat beranak dan pendaftaran beranak serta jugak[juga] kad pengenalan, nama Pak ialah Siri Bin Neng Buah. Dilahirkan pada sembilan haribulan Disember tahun 1953 dalam masyarakat keturunan Siam Kelantan yang tinggal di Kampung Pak Kian, Besut ataupun Mukim Keluang, Besut Terengganu. Kedua-dua orang tua Pak itu berasal dari Semerak, Pasir Putih [Kelantan] Kelantan tetapi__ tinggal di Besut [Terengganu] bersama nenek dan atuk[datuk] Pak sendiri dan__ Pak beranak di sanalah. Dari segi kedudukan di dalam keluarga Pak adalah anak sulung daripada dua beradik yang seibu dan sebapa. Selepas itu, orang tua Pak berpisah habis jodoh pisahlah. Berpisah masing masing bawak haluan dan sebagai seorang janda muda ibu Pak memang laku. Sebagai duda kakak, bapak[bapa] Pak pun memang menjadi rebutan barangkali, itu mereka bukan Pak (bunyi ketawa) __ dan __ ibu pun telah berkahwin lain dan bapak[bapa] Pak pun juga begitu. (bunyi batuk) dan mereka juga memiliki anak-anak. Pak sendiri juga tinggal bersama atuk[datuk] ayah sebelah ayah dan nenek sebelah ayah di Kampung Keluang, Besut. Adik Pak dibawa oleh ibu kerana waktu penceraian itu berlaku adik masih terlalu kecil dan masih menyusu. Jadi oleh itu, Pak dipelihara oleh atuk[datuk] dan (bunyi batuk) dan di kampung yang dikelilingi oleh alam kemelayuan__ kampung itu sangat kecil penduduk siamnya hanya waktu Pak dilahirkan itu hanya sekitar 11[sebelas] buah rumah dikelilingi oleh kampung melayu yang banyak. Oleh itu, Pak sememangnya berada di tengah-tengah budaya Melayu. Secara kebetulan, di kampung itu sendiri penuh dengan aktiviti-

aktiviti seni dan budaya main makyong, teri, silat, bageh, wayang kulit, menura dan orang tua Pak sendiri adalah ketua menura. Jadi disitu penuh dengan hal-hal yang berkait dengan seni budaya tempatan Melayu. Hidup kami antara Melayu dengan Siam tidak berbeza[berbeza] kerana kami sama-sama menjadi pesawah pekebun apa penanam padi sama-sama menahan ketaut ikan dan sama-sama mengetam secara tradisi. Ertinya yang membezakan kami adalah akidah kerana semua penduduk Siam disitu beragama Buddha tetapi walaupun beragama Buddha mereka tidak memelihara babi kerana menghormati jiran-jiran Melayu tetapi hampir semua rumah memelihara anjing termasuk rumah Melayu kerana anjing digunakan untuk menjaga rumah, memburu dan sebagainya kerana kampung kami itu kampung pinggir hutan yang babi hutan boleh datang ke bawah rumah bila-bila masa, musang boleh datang siang hari pun jadi kami memang perlukan anjing bahkan di rumah orang Melayu pun begitu. Jadi iyelah alam kehidupan dan Pak telah dimasukkan di Sekolah Umum_Kampung Keluang [di Besut Terengganu]. Sekolah Umum adalah nama sekolah sebelum bernama Kebangsaan. Sekarang ni[in]i kita namakan Sekolah Kebangsaan __ apa Sekolah Kebangsaan Balai Panjang, Sekolah Kebangsaan Terbak, Sekolah Kebangsaan itu ini ye. Tetapi sejak dahulu tahun 50[lima puluh] an awal 60[enam puluh] an dahulu sekolah umum dan kemudiannya dipanggil Sekolah Melayu dan secara sinisnya dipanggil Sekolah Atap ye jadi Pak telah masuk ke sekolah tersebut dan di sekolah itu Pak belajar tulis dan baca jawi tapi Pak sudah biasa dengan rumi sebelum masuk sekolah sudah faham A-B-C dan sebagainya kerana orang tua ni[in]i __ suka mengajar anaknya __ dan suka jugak[juga] suruh bapak membilang satu sampai seratus dan sebagainya dipujilah apa-apa __ Pak gemar ye __. Kalau (bunyi suara kanak-kanak) sekarang ni[in]i diberi hadiah-hadiah mainan kan?. Dulu diberi (bunyi hembusan nafas) buah kemunting cukup pun. Jadi __ itulah keadaanya __ bila

masuk tahun ketiga maka diperkenalkan huruf rumi asanya jawi itu sebabnya Pak boleh membaca jawi sampai harini[hari ini] satu keberuntungan ye, satu keberuntungan dan apabila sampai darjah enam dan nak masuk tingkatan satu orang tua Pak maksudnya Atuk[Datuk] ye __berfikir/memikirkan dan waktu itu bapak ke Pak ni[in] telah pindah dan __bermustautin di Dungun kerana __apa ni[in] masalah __ pekerjaan kerana nak[hendak] main Menura manjang[selalu] pun tak cukup hidup waktu tu[itu] ye. Macam mana nak[hendak] main Menura sepanjang masa ye dak[tidak] dan bayaran upahnya pun sangat kecil tidak mampu memelihara __ keluarga. Terpaksa buat kerja lain yang lebih asas. Oleh itu, orang tua telah pergi ke Dungun [Terengganu], Bukit Besi [di Terengganu] kerana disitu terkenal dengan pekerjaan-pekerjaan yang agak banyak dan ditawarkan dengan gaji yang lebih lumayan kerana kawasan itu kawasan bijih besi jadi anda tahu kegemilangan Bukit Besi [di Dungun Terengganu] senagai lombong terdedah terbesar didunia berlangsung lebih pada 25[dua puluh lima] tahun sebelum ia lenyap sebagai sejarah (bunyi kicauan burung). (Bunyi mengelap hidung) Sehingga wujudnya jalan kereta api khas Bukit Besi, Kuala Dungun [di Terengganu] ye dan gerabak khas Bukit Besi, Dungun dan landasan itu masih ada lagi banyak di __kawasan __ perkampungan __ dari __Sura, Sura Gate [di Dungun Terengganu] Kenapa dipanggil gate[pagar] ? Sura itu kawasan Sura. Gate tu[itu] pagarlah dan apabila kereta api lalu ditutup jadi gate, itu namanya ye dan kereta api itu membawa bijih sampai ke Sura Hujung. Sekarang ni[in] tempat ITM[Universiti Teknologi MARA] lah dan padang golf, kelab golf. __jadi itulah keadaanya orang tua bermastautin disana dapatlah __apa mencari rezeki hidup disana sampai hari ini. __sampai hari ni[in] orang tua Pak berada di Dungun, Terengganu. Ok jadi __orang tua maksudnya Atuk[Datuk] ni[in] fikir sebagai anak Siam apatah lagi anak seberang ketua masyarakat kebetulan

Atuk[Datuk] ni[ini] ketua masyarakat, Tok Penghulu Siam lah. Ye jadi memikirkan bahawa elok kalau Pak juga memahami bahasa Thai, bahasa ibunda ye. Jadi __ kerana dia ada tujuan, tujuan dia ialah supaya Pak memahami bahasa Thai untuk membaca mentera-mentera dalam bahasa Thai __ untuk menjadi bomoh. Itu hasrat __ Atuk[Datuk] sebab dia sendiri adalah seorang bomoh besar ye orang panggil dia Tok Pok Roh Raja Bomoh. __ dia nak[hendak] supaya cucu dia ini menjadi bomoh besar __ jadi __ untuk jadi bomoh kita harus pandai baca Siam kerana __ tulisan-tulisan apa tulisan-tulisan __ perbomohan itu jampi mentera itu dalam bahasa Thai ye itu dia. Jadi __ maka __ dia telah menghantar Pak ke Tumpat[Kelantan] ini ke suatu Biara di Wat dia panggil ye di Temple[tempat menyembah]. Temple ini tidak perlu adanya saudara-mara boleh duduk __ dan disitulah di __ di letakkan Pak sebagai cucu yang manja yang terpaksa berdikari ye usia 11[sebelas] tahun. Disamping itu, Pak belajar sekolah menengah. Sekolah Menengah Dato' Biji Wangsa, Tumpat [Kelantan] dan malamnya belajar bahasa Thai dan Pak telah lulus sijil Thai, sijil yang tertinggi sekali di tawarkan di Kelantan ini iaitu Thamatsেকcataik iaitu setelah lapan tahun belajar (bunyi menggelap hidung) secara formal lapan tahun. Jadi tidak heran kalau Pak memang seorang yang mampu membaca dalam bahasa Thai dengan baik dan telah sekarang ini hari Jumaat dan Sabtu Pak menjadi guru bahasa Thai di Sekolah Rakyat Tumpat di Terbok [di Tumpat Kelantan] sana kepada untuk darjah tertinggi iaitu darjah enam ye di sekolah tersebut. __ harinilah setiap Jumaat dan Sabtu [bunyi meneg gelap hidung] __ itu sebabnya kalau nak[hendak] jumpa Pak pada hari Jumaat Sabtu pukul empat dan keatas kerana sekolah akan bubar pada __ pukul empat petang ye jadi __ Pak belajar sampai tamat situ. Kemudian Pak belajar __ bahasa Thai dengan __ Universiti Shuku Thai Taraktirai ye __ Thailand dalam bidang pengajian Thai dua tahun. Orang Thai tahu tentang kehidupan Thai, tahu

tentang apa ni[ini]_ _apa semuanya berkaitan dengan Thai ini adalah Thai study[pembelajaran] tentang Thai di Kelantan sahaja. _ _ _ jadi_ _ tentu anda tidak boleh membacanya kan, tidak apa (bunyi suara ketawa). _ _ye jadi_ _ (bunyi batuk) jadi itulah yang dan ini juga sebabnya apabila universiti nak buat kolokium[syarahan] ni[ini] kan mintak Pak yang jadi_ _apa ni[ini] penyalarasannya pada 27[dua puluh tujuh] haribulan nanti. Baik jadi_ _di sekolah melayu Pak belajar sampai tingkatan tiga_ _di sekolah rendah dulu dia ada Sekolah Menengah Rendah, Sekolah Menengah Rendah ini maksudnya dia menawarkan tingkatan satu sampai tiga je[sahaja]_ _ .Tengok ye dia Sekolah Menengah Rendah_ _satu sampai_ _tingkatan tiga, Sekolah Menengah Menengah Tengah Middle[tengah] tingkatan empat tingkatan lima, Sekolah Menengah Tinggi tingkatan enam (bunyi mengelap hidung). Enam tiada tingkatan tujuh dia enam rendah enam atas ye,_ _dia ada enam bawah enam atas_ _okey. Jadi_ _waktu tu Sekolah Menengah Dato' Biji Wangsa tu[itu] menawarkan_ _satu sampai tiga_ _setelah_ _tingkatan tiga kami [bunyi kicauan burung] menghadapi peperiksaan yang dinamakan LCE[*Lower Certificate of Education Examinations*] atau SRP[Sijil Rendah Pelajaran]. (Bunyi mengelap hidung) dan SRP[Sijil Rendah Pelajaran] ini bahananya telah membunuh ramai manusia,_ _membunuh maksud Pak membunuh karier ramai manusia dan harini(hari ini)_ _Pak tidak pernah mengatakan SRP[Sijil Rendah Pelajaran] itu adil ye. Jadi adalah satu cara yang paling_tidak adil, maksudnya didalam SRP[Sijil Rendah Pelajaran) seorang pelajar tingkatan tiga ini hendaklah lulus matematik lulus bahasa lulus (bunyi suara perempuan) bahasa melayu, budak negara China (bunyi suara ketawa)_ _dia marah anak dia tu[itu] dia sebab anak dia keluar (bunyi kicauan burung) datang tengah panas kan_ _okey orang cina memang cakap kuat (bunyi suara ketawa)_ _ . Okey apa ni[ini]_ _apa dia dia SRP[Sijil Rendah Pelajaran] anda

penah dengar tak[tidak] (bunyi suara menyiakan) sangat sangat itulah (bunyi mengelap hidung)_ _bila anda pandai macam mana pun kalau anda tidak lulus matematik dengan sendirinya anda tidak layak naik ke tingkatan empat. Jadi anda (bunyi kicauan burung) belajar setakat tingkatan tiga je[sahaja]. Anda anda guna bahasa melayu sangat baik, pandai matematik, pandai tetapi anda tidak lulus matematik__ sejarah, geografi untuk satu group[kumpulan] tu[itu] tidak boleh naik tingkatann empat tau[tahu] kan dulu_ _ . Jadi sangat anda waktu tu[itu] 15[lima belas] tahun tau[tahu] seorang harus boleh kembang karier banyak lagi_ _ . Jadi tu[itu] sebabnya beberapa kali dikritik orang jadi akhirnya harus sampai ke tingkatan lima baru pergi ke aliran ke mana hendak pergi kan. Baru biar adil sedikit begitu ye. Jadi harini[hari ini] anda tingkatan tiga anda tidak lulus matematik pun anda boleh naik ke tingkatan empat tidak apa begitu ye. Sekurang-kurangnya anda dapat__ sampai tingkatan lima__ pelajaran asa begitu. Jadi Pak telah bernasib baik sedikit lulus matematik, satu mata pelajaran yang paling Pak benci dan gerun sejak (bunyi suara ketawa) tingkatan satu sampai tingkatan tiga dan__ apabila pelajaran__ sejarah, bahasa dan apa yang berkaitan dengan sastera dan sebagainya Pak adalah contoh oleh guru-guru “tengok Siri ye”. Tetapi apabila matematik ataupun dipanggil ilmu hisab Pak juga menjadi contoh, *lagumano*[macam mana] Siri *gitu*[begitu] sekali (bunyi mengelap hidung) dan pernah menggondol markah kosong peratus (bunyi suara ketawa). Suatu pencapaian yang amat (bunyi suara kanak-kanak) amat memalukan (bunyi suara ketawa) tetapi itulah hidup ye. Jadi bila tingkatan tiga Pak lulus dengan sangat bawah matematik sejak itu sampai ke tingkatan lima. Di tingkatan lima (bunyi kicauan burung) dan di Sekolah Menengah Tumpat kemudian apabila peperiksaan SPM[Sijil Peperiksaan Malaysia] bapak (bunyi suara kanak-kanak) tidak lulus cemerlang bahasa melayu kerana dikatakan kalau guru kami kata

“keluar tajuk” tahulah yang yang pastinya Pak tak lulus dengan tinggi tak tak kredit. Jadi Pak tak layak masuk tingkatan enam sekolah kerajaan. Oleh itu __ masuk sekolah swasta setelah balik ke kampung mengambil upah_tebas hutan (bunyi kicauan burung) hutan orang buka tanah baru ye tebas jadi Pak pergi ambil upah tebas dapatlah beberapa_ratus ringgit_orang lain dapat beribu Pak dapat beratus je sebab tak tenaga tak itu kan baru nak kerja-kerja gitu kan (bunyi mengelap hidung) dan __Pak jugak[juga] pernah kerja (bunyi deringan telefon) membasuh kolam renang di Kuala Lumpur, basuh kolam ye kerja-kerja gitu jela kan (bunyi mengelap hidung) apa kerjakan dan akhirnya __akhirnya Pak masuk ke Institut Pendidikan Kota Bharu [Kelantan] di tingkatan enam dan akhirnya lulus __sijil penuh __apa __STP[Sijil Tinggi Pelajaran] __dan akhirnya Pak jawat dapat menjawat jawatan Pegawai Kebudayaan, Belia dan Sukan dan __ (bunyi kicauan burung) menyambung pelajaran akhirnya di Universiti Sains Malaysia dalam bidang sains politik dan kesusasteraan, itulah dunia pendidikan (bunyi mengelap hidung). Dari segi dunia kekeluargaan, Pak bukan seornng yang bernasib baik ye (bunyi suara menyiakan) __ . Pak seringkali __nak kata jatuh cinta tidak, seringkali meminati seseorang gadis (bunyi mengelap hidung) tapi malu nak maklumkan pada dia_jadi syok sorang[sorang] (bunyi suara ketawa) jadi nampak dia macam cantiknya kene dengan aku, lembutnya dia orang __, ayunya orang, anjung apa anggunya nya nya semualah kan (bunyi suara ketawa). Eeeei kalau aku memiliki dia kan __macam sedar-sedar orang lain bawak[bawa] (bunyi suara ketawa) *frust tunggeng*[kecewa] *sokmo*[selalu]. Jadi jadi gitulah keadaan Pak ni[in]i kan. Jadi akhirnya Pak fikir takkan[tidak akan] sampai ke mana dunia ini kan (bunyi mengelap hidung). Lantas Pak lagipun Pak sejak dulu lagi Pak ni[in]i minat sejarah kan selalu dapat satu – satu (bunyi suara ketawa) dan apa ni[in]i __ Pak kagum dengan Empayar Melayu Melaka

dan ingin menjelajahi Empayar Melayu ini. Lantas __ setiap kali bila Pak __ apa ada wang waktu bekerja ni[in], waktu bekerja Pak simpan wang sikit dihujung dihujung tahun 200[*dua ratus*],300[*tiga ratus*]___. Pak pergi melawat ke Indonesia (bunyi suara menyiakan) melawat ke bekas jajahan takluk Melaka __ pergi ke mula-mula Pak perginya ialah Pulau Daik itu Pulau Medan. Pulau Daik ye dan __ tu selamat Pak pergi ke sana secara bergelandangan (bunyi mengelap hidung). Anda anda anda tidak faham bergelandang __ (bunyi kicauan burung). Pak pergi secara bergelandangan ertinya __ ye contohnya ke Pulau Daik [di Indonesia] (bunyi kicauan burung) Pak akan pergi ke sana dengan bot ye bayar bot sebab dia tak[*tidak*] boleh pergi lain dengan bot je[sahaja], berenang tak[*tidak*] boleh kan, __ kapal terbang apa lagi mahal jadi dengan bot di sana dan Pak tidak pergi tinggal di hotel ke apa tak ada __. Tinggal di tepi pantai mudah deh[ye] pantai ni[in] tempat nak buang kat situ juga. Betul *dak*[*tidak*] ? Betul *dak*[*tidak*] orang Dungun [di Terengganu] kata “*berok pantai blake*[*berak kat pantai semua*]” (bunyi suara ketawa). __ jadi hidup tepi pantai tido[*tidur*] bawah pokok ketapang pantai dan beberapa hari kan cuma wang tu[itu] boleh buat untuk beli makan bahkan malam pergi mengail dengan anak-anak Indonesia. Dia tidak tahu Pak ni[in] dari mana ye __ janganlah kita cerita (bunyi suara menyiakan) duduk sama bakar ikan, makan sama, gitu gini[*begini*] Pak telah menjelajah hampir semua di Jajahan Takluk Melaka kecuali Pulau Karimun [di Indonesia] __ ingin sangat sebelum tutup mata terakhir kan nak pergi __ itu (bunyi kicauan burung) adalah Jajahan Takluk Melaka yang pertama sewaktu Melaka melebarkan sayapnya, Jadi __ Pak telah menyelesaikan zaman bujang sewaktu berumur 32[*dua puluh tiga*] tahun ye itupun sudah termasuk dalam bujang terlajak. __ dan agak berumur sebabnya anak bongsu masih lagi mengambil diploma (bunyi suara ketawa) masih lagi belajar __ belum selesai. Jadi itulah dari segi, kahwin

dengan sorang[seorang] je[je] dan tak[tidak] (bunyi kicauan burung) pernah bercerai lagi lah. Tak[Tidak] macam orang tua dulu ye.

NIS : Bila kahwin ?

SNB : Tahun 86(1986) _ _ _.

NIS : Nama isteri ?

SNB : Nama isteri di kampung ni[ini] Wadhi Kap Chiam C-h-i-a-m. Chiam (bunyi kicauan burung) jadi nama _ _ mengikut kad pengenalanya Mek Khecum Anak Perempuan Aprheng. Tapi mengikut apa ni[ini] _ _ apa panggilan harian kami adalah Chiam ye.

NIS : Isteri *Pok*[Pak] Siri tu[itu] berasal dari mana ?

SNB : Berasal Kampung Kok Seraya [di Tumpat Kelantan], kampung inilah dan _ _ tapak rumah Pak yang Pak tinggal sekarang ni[ini] nama dia, tapak rumahnya. Pak tidak ada _ _ tanah, Pak seorang yang _ _ tidak berharta jawab begitulah yang ada harta harta pusaka tanah di kampung di Besut [di Terengganu]. Itupun kata orang “tanah sekangkang kera” ye.

NIS : Berapa lama dah *Pok*[Pak] duduk di Kampung Kok Seraya ni[ini] ?

SNB : Ye ?

NIS : Berapa lama Pak duduk di Kampung Kok Seraya [di Tumpat Kelantan] ?

SNB : _ _ sejak kahwin dengan isteri _ _ berpindah _ _ kerja di beberapa buah negeri dia ikut Pak dan hinggalah Pak bersara dan tidak pernah dapat peluang bertugas di Kelantan (bunyi mengelap hidung) tetapi takpa[tidak mengapa] Pak selalu pujuk diri (bunyi kicauan burung) bila pencen nanti duduk Kelantan lah tu (bunyi suara ketawa) ye. _ _
_ _ dulukan kita selalunya kalau kerja nak ikut nak *dok*[duduk] balik kampung

je[sahaja] kan__kan jadi___. Ini sudah empat tahun Pak bersara (bunyi suara isteri) dan ertinya empat tahunlah Pak berada di Kampung ni[ini] (bunyi suara kanak-kanak). Sebaik bersara tu[itu] beberapa bulan bila rumah ni[ini] siap Pak balik *duk*[duduk] kampung___. Ertinya sekarang ni[ini] tahun ke empat lah duduk kampung (bunyi mengelap hidung).

NIS : __macam mna pertemuan Pak Siri dengan isteri ? Macam mana cara berkenalan *pastu*[selepas itu] kahwin ?

SNB : Dia nombor satunya__apa ni[ini] (bunyi kicauan burung) pertemuan itu tidak rancang pun dan apatah lagi cinta pandang pertama (bunyi suara ketawa). Tak[tidak] ada pun tapi__sejak dulu dia selalu pergi ke Wat tempat Pak tinggal tempat Pak belajar itu Wat tu[itu] Biara Buddha *tau*[tahu] perkataan Wat ye (bunyi suara menyiakan). Biara Buddha ada perayaan, ada apa kan. Dia ni[ini] akan pergi dengan sepupu dia untuk__
__kutip tiket rambung, (bunyi kicauan burung) tiket tiket untuk dapat penari apa dia kutip tiket la kan jual tiket dan dia apa jugak tukang apa bawak bunga, bawak apa kan. Sebagai gadis comel kan jadi Pak sering berjumpa dia tapi tak[tidak] pernah tak[tidak] pernah masuk dekat dia (burung kicauan burung) tak[tidak] pernah tegur dia sebab dia berada dengan kawan-kawan (bunyi deringan telefon)___.

NIS : Sambung *hok*[yang] tadi tu[itu] lah yang__perkenalan Pak Siri dengan isteri Pak Siri ?

SNB : Ye itulah__apa saya selalu tengok dia dari jauh__dan begitu juga sata menengok gadis-gadis lain kan dari jauh ye sebab pertama saya agak malu dengan wanita (bunyi geseran hidung)___ . Agak malu, agak segan__dan agak__hormat sebab Atok[Datuk] saya sentiasa suruh saya menghormati wanita. Jadi saya tidak pernah fikir untuk__melakukan sesuatu yang bukan-bukan terhadap wanita. Itu__tersemat

di dalam perasaan kan tapi sebagai lelaki saya juga nak tengok wanita kan. Saya ada naluri saya dan akhirnya saya bila saya belajar saya bekerja kan di sebagai Pegawai Kebudayaan tadi saya jugak waktu ni[ini] mulai dilanda berbagai__pertemuan temu orang tu[tu] temu gadis ini. Macam kata la kan__saya pergi berpuisi baru ni[ini] ada peminat saya begitu begini kan. Jadi__apa__tapi begitulah saya seperti mana saya kata tadi, saya saya saya lebih memendam perasaan (bunyi kicauan burung)__kan. Memendam perasaan__dalam soal cinta, saya tidak terus meluahkan tidak__tapi sorang[seorang] dua gadis tu[itu] dia faham__, “Kenapa you[awak] pandang macam tu[itu] kat[dekat] I[saya]?”, “Tak[tidak] ada apa-apalah”. Begitu tapi sebenarnya__kita ni[ini] teruk kan__jatuh cinta dengan teruknya tapi kita terlalu angan. Kata kalau dapat dia lah kan, nak[hendak] "hidup bersama dia begitu begini. Jadi dengan dia pun dengan isteri ni[ini] pun begitu juga kalau aku dapat lah kan bagus alim semacam je[sahaja] kan tetapi saya tak[tidak] pernah__apa__mengorat dia tak[tidak] pernah tapi secara orang lain tu[itu] dia tahu saya ni[ini] minat dia (bunyi suara ketawa). “Eh nampak you[awak] ni[ini] syok sangat kepada budak tu(itu)”, eleh eleh (bunyi suara ketawa) ye jadi__dipendekkan cerita__sampailah satu masa yang__Pak jumpa dia bila Pak balik datang untuk ke Wat ada perayaan, nampak dia dan bertanya khabar. Waktu tu[itu] kita sudah tua dewasa tidaklah terlalu canggung sangat kan. Tanya khabar (bunyi kicauan burung), duduk mana sekarang, buat apa sekarang, dah dah ada ye begitu begini. Dia pun macam seronok dengar kan. Lastnya[akhirnya] hantar surat dia dulu kan waktu tu[itu] (bunyi suara ketawa). Tanya khabar sampailah akhirnya yelah__Pak dengar dia diminang di orang dan dia tidak menerimanya__orang kata pulak[pula] “dia tunggu kau tu[itu]” (bunyi suara ketawa) kan “tunggu kau ni[ini]”. Jadi__.

‘Bunga melur di atas titi,

Mari ku bungkus dengan kertas,

Sedang dalam telur lagi ku nanti,

Apatah lagi sudah menetas.’

(bunyi suara ketawa). __ apa dia jadi Pak pun cuba cuba __ kalau-kalau Pak diterima, tulis surat kat[dekat] dia dan minta dia jawab secara terus terang dan jawablah kalau tak[tidak] sudi (bunyi kicauan burung). Takpa[tidak apa] __ kita tidak ada apa-apa tapi kalau sudi, dia tak[tidak] jawab tapi Pak datang rumah dia nampaknya nampaknya okey lah dia macam __ dia kata “tentulah sebagai seorang wanita dia mempunyai sifat malu kan dan takkan[tidak akan] nak bila lelaki tanya ,Yahoo begitu kan”. Itu __ akhirnya kami telah di tunangkan dan kahwin __ tahun 86[1986] __ __ (bunyi batuk).

NIS : Berapa ramai anak Pak Siri ?

SNB : __ setelah satu, 15[lima belas] bulan saya berkahwin baru (bunyi kicauan burung) saya mendapat seorang anak lelaki, 15[lima belas] bulan ye __. Kemudian __ diikuti pulak[pula] dengan seorang lagi __ enam tahun kemudian dan diikuti oleh seorang lagi perempuan __ tiga tahun kemudian dan selepas itu tidak lagi ertinya (bunyi suara menyiakan) tiga orang sahaja, dua lelaki satu perempuan dan kita pun tutuplah kedai.

NIS : __ boleh ceritakan __ tentang anak-anak Pak Siri ?

SNB : Anak saya yang pertama ni[ini] __ dari segi akademiknya tidak tinggi __ mungkin dia __ kalau kita kata “*benok*”[kurang pandai] sikitlah (bunyi suara ketawa) kan. Makna taknak belajar sikitlah ye tapi dia suka kepada teknikal-teknikal baiki motor baiki itu teknikal lah __ __. Dia berkahwin dengan seorang wanita __ dari negara China yang ditemu di Bangkok[Thailand] kerana hal-hal motosikal besar. Mereka tubuh kecil-kecil je[sahaja], kurus-kurus je[sahaja] tapi uruskan motosikal kuasa tinggi kerana dia

mungkin apa ni[ini] kemudahan dia membaiki__ __ bahkan dia ada join[masuk] beberapa kelab berkenaan ye. Tu yang nombor satu, saya ada dua cucu hasil perkahwinan mereka (bunyi suara menyiakan) ye. Dan keduanya anak kedua saya belajar di Universiti Antarabangsa Nilai dan apa ni[ini] tamat sebagai dalam bidang Business Study[Pengajian Perniagaan] tetapi dan dia jugak bertugas berkerja di__ __apa cafe apa internet cafe[cyber cafe] sebagai pengurus kepada syarikat tersebut di bawah hak milik orang lain lah bukan milik dia, dia pengurus sahaja. Dia dia bertugas disana sejak beberapa tahun dah ye. Semalam pun ada hubungi Abahnya tanya tanya khabar gitulah[begitulah] ye masih bujang ____. Yang ini__ __kacak tak[tidak] seberapa tapi agak ramai ye apa ni[ini]__ __ (bunyi cicak) kawan-kawan wanita yang nampaknya dalam pilih-pilih (bunyi suara mengiak). Kawan dua tiga hari tak boleh jalan (bunyi suara ketawa), kawan tak boleh jalan tapi nampak dengan seorang tu[itu] nampaknya tak[tidak] tahu boleh jalan ke boleh lari tak[tidak] tahu [bunyi suara ketawa] dengan budak Sabah. __ __jadi saya kata Mak dia kata “ jauh sangat la”. Dia nama Akhai nama dia nama main-main jela Akhai. Dah[sudah] la yang tu negara China yang ni[ini] pula Sabah “ Ala ala whatsapp je[sahaja]” (bunyi suara ketawa). Sekarang ni[ini] cinta whatsapp kan jadi yang tu[itu]. Dan __ __ yang bongsu ni[ini] __ __ banyak ingin menjadi saya (bunyi suara menyiakan)__ __ dan senantiasa mengikuti apa perkembangan saya. Saya dapat anugerah apa dia ikut, dia dengar, dia teliti dan sebagainya (bunyi kicauan burung). __ __ anak-anak saya dua orang lagi tidak tahu saya dapat anugerah apa (bunyi suara ketawa) kerana mereka tidak__ __ ambil tahu tapi kalau yang AnThong bongsu ni[ini] dia boleh hafal__ __ anugerah-anugerah yang saya ada (bunyi kicauan burung). Saya dapat sembilan anugerah ye__ __ dan anugerah yang paling__ __ besar ialah Tokoh Warisan Orang Hidup ye (bunyi batuk). Tokoh__ __ Warisan Kebangsaan Orang Hidup daripada Kerajaan Malaysia__ __ dan Tokoh Masyarakat Siam Malaysia oleh Kerajaan

Negeri Kedah, Tokoh_ _Budaya Negeri Sembilan ye, Tokoh Budaya Wilayah Persekutuan, Tokoh_ _apa Budaya Sri Langka Sumatera Utara, Tokoh Budaya_ _Terpanuli Selatan, yang dimasukkan didalam Merga Sariga_ _ , Tokoh Kemerdekaan_ _apa Terengganu khusus untuk Besut [di Terengganu], Tokoh_ _Anugerah Pemenang Anugerah_ _apa_ _Citra Sahabat DBP [Dewan Bahasa dan Pustaka] untuk kategori individu ye (bunyi mengelap hidung)_ _empat orang sahaja_ _individu, Tokoh apa_ _Penasihat Sejarah Paduka Che Siti Wan Kembang dengan gelaran Yang Mulia Tuan Setia Wijayamala Paduka Raja Che Siti Wan Kembang (bunyi kicauan burung) sebagainya. Yang telah diberikan oleh pertubuhan orang perseorangan dan juga berbagai lagilah. Semua itu_ _ tidak ada apa-apa makna dan ertinya kalau saya tidak berbakti itu je[sahaja] ye (bunyi mengelap hidung). Ye_ _jadi kalau setakat nak simpan peringat-peringat tu[itu] kan apa bahkn peringat-peringat ni[ini] tidaklah saya hargai sangat terus terang katakan tidaklah saya hargai sangat tapi saya terima tapi bukanlah nak jadi apa bahan untuk diwar-warkan dan diperdewakan _ _.

NIS : _ _sebelum ini_ _*gapo*[apa] pekerjaan Pak Siri ?

SNB: _ _tamat STPM[Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia] saya balik ke kampung untuk menebas hutan_ _ (bunyi kicauan burung) sekali lagi dan juga tanam tembakar tembakar_ _ untuk itu saya mempunyai pendapatan sebagai penanam tembakar. Ertinya kerja saya pertama petani (bunyi geseran) ye selepas jadi petani saya telah di ajak oleh rakan saya (bunyi batuk) saudara Abdul Rahman, saudara Abdul Rahman Ismail untuk membantunya menjadi guru di Institut Budaya. Sebuah sekolah swasta di Jerteh, Besut [bunyi kicauan burung] dan saya pergi_ _menjadi guru sementara di Sekolah Nasiruddin Shah, Besut [Terengganu] kerana nak[hendak] menolong (bunyi mengelap hidung) rakan tetapi cinta-cita memang nak[hendak] jadi cikgu guru itu. Selain guru,

SNB: Gunung Ayam ialah kawasan Hulu Kelantan yang sering jugak dikunjungi oleh Cik Siti Wan Kembang sebagai tempat penginapan keduanya dan disitulah dibawa Puteri Saadong untuk bersuluk bersamanya. Jadi__disitu jugaklah[jugalah] munculnya watak mitos Awang Selamat yang menjaga mereka daripada makhluk halus, binatang buas dan sebagainya. Sebagai pengasuh tua, dipanggil pengasuh tua di dalam hikayat Mak Yong serta juga Awang Selamat dalam__cerita sastera dan itulah adalah kawasan yang dihuni oleh Cik Siti Wan Kembang bukan Puteri Saadong. Cuma Puteri Saadong ini dalam suluknya iaitu soal menyendiri dan mengadakan meditasi sendiri dan berzikir suluk jugak[juga] menhinumkan diri maka sekali sekala baginda ke Gunung Ayam[Kelantan] ini.

NHR: Ada yang mengatakan Puteri Saadong meninggalkan pinggang mangkuk di Bukit Marak[Kelantan].

SNB: Menjadi suatu kebiasaan apabila wujudnya satu-satu tempat dimana yang puterinya keramat, ghaib bahkan bunian. Maka dikaitkan dengan pinggang mangkuk (bunyi muzik). Bahkan Bukit Keluang[Terengganu], gua-gua di Bukit Keluang, Besut tempat disimpan pinggang mangkuk. Jadi dikaitkan dengan pinggang mangkuk dan apabila dipinjamkan untuk kenduri kendara tidak dikembalikan. Kalau dikembali pun dalam keadaan pecah-pecah. Tak[tidak] sama. Ganti pun dengan yang buruk-buruk. Jadi gua pun tutuplah jadi itu sebabnya. Dikaitkan apabila pinggang mangkuk ini tidak dihantar dengan serpih yang tidak betul maka bunian-bunian ini tutuplah pintu gua dan tidak ada lagi cerita-cerita__pinggang mangkuk dipinjamkan. Jadi begitu juga dengan Bukit Marak, Bukit Keluang, Bukit Puteri__Bukit Gelangi, Kota Gelangi dimitoskan adanya puteri yang meminjamkan pinggang mangkuk untuk kenduri-kendara jadi tak(tidak) hairanlah dikatakan tempat Puteri Saadong adanya apa ni skim penyimpanan ini (bunyi muzik).

NHR: Selain daripada pinggang mangkuk, ada *dok*[tidak] barang-barang lain yang duduk[ada] di Bukit Marak[Kelantan].

SNB: Dalam__cerita tidak ada barang lain kecuali senjata, alat-alat apa itu ikhtiar hidup, alat tangkap ikan itu ajelah[sajalah] tapi dikaitkan dengan senjata dengan pinggang mangkuk dikatakan ada mas ada apa ni itu tambah kemudian (bunyi suara ketawa). Tidak ada satu buku pun menyebut tentang itu.

NHR: Ada yang mengatakan Puteri Saadong muncul__setiap kali Kelantan dilanda musibah banjir. Betul ke rekaan semata?

SNB: (Bunyi muzik) Rekaan semata (bunyi suara ketawa). Kalau nak kena banjir, elok lah kalau muncul baginda tahan banjir tu[itu] kan? Tapi kenapakah kita dilanda banjir? Dia tidak watak sebenar yang sudah pun ghaib dan sekarang ni muncul Puteri Saadong

yang ketujuh yang tidak ada apa-apa sangkral pun kecuali dinobatkan sebagai keturunan ke-tujuh di Pantai PCB[Pantai Cahaya Bulan] beberapa tahun dahulu disaksikan oleh 15[*lima belas*] orang raja-raja alam nusantara ini.

NHR: (Bunyi muzik) Kalau kita tanya dekat Puteri Saadong yang ketujuh itu tentang Awang Selamat, __ dia tahu ke? Dia boleh cerita satu satu?

SNB: Dia boleh cerita satu-satu tidak sekali sebab dia bukan watak mitos. Dia sendiri bukan watak mitos. Dia lahir di Machang. Nama dia adalah Tengku Anis binti Tengku Razak. Pernah berjumpa bersama *Pok*[Pak] dan dalam Awang Selamat dia jugak[juga] harus mengetahuinya secara membaca buku (bunyi mikrofon jatuh). Jadi dia tidak akan dapat memberikan banyak pengetahuan kepada anda tentang Awang Selamat. Tapi tentu dia boleh memberitahu anda orang kedua siapa orang ketiga siapa keempat siapa kepada dia ketujuh. Pak janji nak bagi senarai tu[itu] Ada pada Pak. Dan buku dia ada bagi pada Pak. Dan dia sendiri pun ada jumpa Pak. Perjumpaan di __ Pengkalan Chepa dengan seluruh Raja-Raja Jawa pun ada pada Pak. Tapi kerana kita tidak bercakap tentang Puteri Saadong maka Pak tidak menyediakannya dan disitu majlis tidak ada Awang Selamat. Yang ada adalah Raja Jawa yang salah sorang keturunan Raja __ Jati. Menghunuskan kerisnya. Barangsiapa yang menganiayainya Puteri Saadong ketujuh ini dia akan berdepan dengan kami. Barangkali dia kah Awang Selamat?

Bahagian D: Pesanan pencerita kepada generasi akan datang

NHR: (Bunyi muzik) Bagi pendapat Pak Siri patut atau tidak cerita pasal Awang Selamat ni[ini] diketahui?

SNB: Patut sekali. Kerana ini khazanah kita soal betul tak betul citenye[ceritanya] takpe[tidak mengapa] tapi ia patut diketahui oleh kita sebagai cerita rakyat itu sebab kita katakan ceritera sahaja sebagai khazanah warisan sebagai legasi orang-orang tua kita bercerita zaman puntung berasap. Kenapa panggil puntung berasap? Dia nak(hendak) buat api payah jadi dia pergi hidupkan api puntung yang kayu yang besar-besar yang__ _berasap panjang berbulan-bulan. Jadi bila nak[hendak] ambik[ambil] api disitulah dia pergi ambik[ambil]. __ karak dicucuhnya situ[disitu] ambil balik bawak[bawa] kerumah dia dulu. Api jadi barang sangkral dulu itu dipanggil. Jadi bila duduk jaga api embun jantan rintik turun kan? Dia pun pujangga kan? “Asap api embun berderai patahkanlah haluan berai”__ apa habisnya? (bunyi suara ketawa)

NHR: Berdasarkan cerita Awang Selamat ni[ini], nilai-nilai murni yang patut dicontohi oleh masyarakat sekarang.

SNB: (Bunyi muzik) Nombor satu, Awang Selamat penyelamat. Ikhlas. Tiada mengharapkan balasan. Awang Selamat akan menolong orang baik. Awang Selamat akan bersama dengan yang benar. Ini yang penting. Awang Selamat tidak pernah tidak selamat (bunyi suara ketawa) dia sentiasa selamat(bunyi suara mengiyakan). Dia menyelamatkan situasi, kondisidan sebagainya tetapi dia adalah watak mitos watak yang berada di awangan bukan susuk tubuh yang kita pernah tengok dia bukan gajah mada dia bukan Puteri Saadong dia bukan Cik Siti Wan Kembang dan dia bukan Tengku Anis tu[itu]. Jadi dalam konteks menjaga kebenaran dia sedia susah dan

senang kemudian dia adalah watak yang diarahkan untuk setia untuk menjaga untuk mengawal__ tuannya dan dia menjalankan tugasnya dengan penuh dedikasi__ itu yang harus kita pahami tentang Awang Selamat. Cuma satu yang saya hendak sebutkan tadi kita ada sebut Nenek Kebayan. Watak Nenek Kebayan sama dengan Awang Selamat tetapi Nenek Kebayan ini dia tidak ada kuasa sangkral dia cuma ada kuasa untuk menjaga contohnya bila orang itu sudah sampai kerumahnya, dia bagi makan bagi minum dia pelihara dengan baiknyaa.__ dia tidak kata__ dia ajar buat bunga kan? Karang bunga hantar ke kedai hantar pergi kota kan? Siapa karang dia? Puteri itu karang. Nenek itu karang eh bukan nenek ni cantik ni nenek karang kot lain ? cucu nenek. Dia bukan watak seperti Awang Selamat tapi dia ibu pelindung__ kan? Kita tidak tahu dimana kan? Dipondok Nenek Kebayan jadi Awang Selamat dia tidak ada pondok tapi dia boleh hidup bersama. Dalam kepercayaan kami, kami percaya adanya malaikat disebelah kita. Jadi orang Islam pun percaya adanya malaikat kiri dan kanan. Orang zaman dulu dia tak kata[tidak kata] pun malaikat. Sebab dia bukan orang Islam bahkan dia tak tahu dia jahil bab agama ni. Tapi malaikat ada tak dengan dia? Tentu ada! Kan? Sejak dia memeluk Islam barulah ada malaikat. Tidak. Kan? Tentu dia ada darah daging__ jadi kami pulak[pula] kami ada nya penjaga dan inilah dalam konteks mitos kami anggap Awang Selamat yang menjaga kita.

NHR: Apakah cara-cara untuk menarik minat golongan orang muda untuk mendalami atau mengetahui lagi kisah-kisah dongeng seperti Awang Selamat.

SNB: Nombor satu mesti adanya filem-filem animasi. Kita ada filem animasi tentang Tuah, tentang Jebat, tentang Puteri Gunung Ledang, tentang Doremon. Ramai yang menganggap Doremon itu wujud. Anak-anak muda anak-anak kecil ni[in] dia anggap Doremon ada dan boleh terbang sebagaimana terbangnya__ . Jadi kepercayaan anak-anak__ tadok[tiada] kan? Jadi begitu jugoklah[jugalah] dengan Awang Selamat.

Bagaimana kalau kita wujudkan apa ni[ini] kartun animasi Awang Selamat. Filem Awang Selamat.

NHR: Apakah pesanan *Pok*[Pak] Siri untuk golongan muda sekarang tentang kepentingan nilai-nilai sejarah.

SNB: Kalau kita nak[hendak] cari akar dan tradisi kalau kita nak[hendak] cari jati diri kalau kita nak[hendak] tengok pada tunjang kita tidak boleh lari daripada mendekati sejarah. Sebab sejarah boleh memberi banyak jawapan kepada keperluan-keperluan tadi. Pembangunan tidak akan membawa apa makna kalau jiwa kita kosong.

NHR: Adakah *Pok*[Pak] Siri akan terus memartabatkan warisan ini kepada generasi akan datang?

SNB: Selagi hayat dikandung badan(suara ketawa) dan selagi boleh bercakap. Tak[Tidak] boleh bercakap kita menulis. Jadi itulah saya akan teruskan sebab pada saya kita hidup ni[ini] sekali je[sahaja] jadi hidup biar berjasa. Tadi saya bagi pantun kan? Pantun tu dah jawab belum? Belum.

“Asap api embun berderai,

Patahkanlah haluan perahu,

Niat dihati tak naklah bercerai,

Kuasa Allah siapa yang tahu.”

Anda tahu Pak adalah pengadil pantun peringkat kebangsaan pusat-pusat pengajian tinggi.

NHR: Bagaimanakah kaedah Pak Siri guna untuk memartabatkan seni untuk masyarakat.

SNB: Saya adakan tempat saya sendiri, ruang saya sendiri. Bangsal itu saya namakan bangsal semar. Bangsal semar gelaran tuah, bangsal *hino*[hina] memanggung dewa. Pejabat yang bagi ruang saya pejabat kebudayaan bukan saya tapi mereka tahu saya sejak dulu lagi bersungguh-sungguh tak main-main dan saya isi hampir setiap hari dengan aktiviti kesenian tradisi. Dan ingat saya Siam, tetapi kemuliaan negara itu berlandaskan Melayu dan saya mesti melandaskan anda tengok tadi tarian-tarian saya buat tadi adalah tarian-tarian Melayu. Disamping saya tidak tinggal tarian etnik lain, saya juga ada syarahan-syarahan kolunkum serantau yang saya bagi untuk mengimarahkan seni budaya. Saya takpe[tidak mengapa] tidak menjadi hero. Bahkan hero saya tidak didendang tidak apa. Sedikit pun tidak kecil hati kalau saya tidak didendangkan sebab saya tidak ada niat untuk diangkat sanjung. Sebab niat saya untuk diimarah jadi anak-anak datang saya gembira saya buat itu saya bagi peluang. Kalau ikut masa saya harus berada di satu tempat lagi tapi saya menolak. Jadi itulah keadaan.

NHR: Yang terakhir, (bunyi muzik) harapan Pak Siri dalam bidang kesenian.

SNB: Saya melihat disamping pembangunan infrastruktur wujudnya pelbagai kemudahan pembangunan saya jugak[juga] ingin tersemat didalam hati anak-anak jiwa

seni. (bunyi muzik) Jiwa seni bukan mana jiwa harus pandai menari, jiwa seni jiwa halus pemikir betapa cantiknya bulan mengambang pada purnama 15[*lima belas*] pada waktu anda duduk ditepi pantai dan tidak ada apa halangan kecuali kaki langit. Cuba bayangkan. Cuba duduk malam purnama 15[*lima belas*], ikut saya, saya akan pergi duduk, tunggu. Hey orang tanya tunggu apa, tunggu bule[bulan]. Seolah-olah saya begitu melihat keindahan ciptaan Tuhan. Hargai. Walaupun seekor ulat, hargai yang Tuhan buat untuk kita. Kita telah diamanahkan untuk menjaga tapi dalam keadaan rakus dan tanpa jiwa seni kita ambik___. Itu Tuhan balas dekat kita dan pada waktu

tu(itu) Puteri Saadong. Jadi dalam konteks ini, seni harus diimarahkan dalam begitu sekali. Saya terkejut apabila saya pergi ke Negara Arab, saya dua kali mewakili negara. Saya ingatkan mereka tidak akan hargai seni budaya. Saya terkejut besar bila__ _Turki begitu syahdu begitu dengan patuhnya. Mengapa anak-anak Aceh bersungguh-sungguh tapi mereka percaya lelaki perempuan syariatnya bijak kuasakan? Mereka dikatakan seni___.Menyanyi memuji kebesaran nabi depan saya. Saya mewakili negara ke Aceh jadi timbul perasaan hidup.

NHR : Alhamdulillah, selama tiga jam akhirnya tamat sudah temu bual kita pada hari ini insyaAllah, segala input yang kita dapat boleh sama-sama kita jadikan sebagai rujukan untuk masa akan datang. Oleh itu, pihak kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih Pak Siri kerana sudi ditemubual dan berkongsi cerita tentang Awang Selamat, disini kami menyediakan sedikit buah tangan untuk Pak Siri sekeluarga. Akhir kata ribuan terima kasih buat Pak Siri sekeluarga.

6.0 RUJUKAN

- Buah, S. N. (2016, April 24). Awang Selamat. (Nur Izzati Shukri & Nur Hanani Rusli, Interviewer)
- Saleh, M. Z. (n.d.). *Bukit Marak Dalam Lembaran Sejarah Kelantan Darul Naim*. Retrieved April 4, 2016, from Pondok Rahmat: <http://pondokrahmat.blogspot.my/2013/06/bukit-marak-dalam-lembaran-sejarah.html>
- Jabatan Warisan Negara. (n.d.). *Warisan Kebangsaan Orang Hidup*. Retrieved April 4, 2016, from Jabatan Warisan Negara: <http://www.heritage.gov.my/index.php/en/intangible-heritage/living-person/national-heritage-living-person>

7.0 LAMPIRAN

7.1 LOG WAWANCARA

Bahagian A : Latar Belakang Pencerita

MASA	PERKARA YANG DIBINCANGKAN	NAMA/TEMPAT DIRUJUK
2.03	Latar belakang Encik Siri Neng Buah	<ol style="list-style-type: none">1) Siri Neng Buah2) Kampung Pak Kian Besut ,Terengganu3) Mukim Keluang, Besut Terengganu4) Semerak Pasir Puteh,Kelantan5) Kampung Keluang, Besut
9.27	Latar belakang pendidikan	<ol style="list-style-type: none">1) Sekolah Umum Kampung Keluang2) Sekolah Kebangsaan Balai Panjang3) Sekolah Kebangsaan Terbok4) Sekolah Atap5) Dungun6) Kuala Dungun7) Bukit Besi, Dungun8) Sura Gate, Dungun9) Universiti Teknologi MARA10) Tok Pok Roh Raja Bomoh11) Wat di Tumpat12) Sekolah Menengah Dato' Biji Wangsa, Tumpat13) Sekolah Rakyat Tumpat di Terbok

		<p>14) Universiti Shuku Thai Taraktirai, Thailand</p> <p>15) Sekolah Menengah Tumpat</p> <p>16) Institut Pendidikan Kota Bharu</p> <p>17) Universiti Sains Malaysia</p> <p>18) Pulau Daik</p> <p>19) Takluk Melaka Pulau Karimun</p>
28.35	Latar belakang keluarga	<p>1) Wadhi Kap Chiam</p> <p>2) Mek Khecum Anak Perempuan Apheng</p> <p>3) Kampung Kok Seraya</p> <p>4) Besut</p> <p>5) Kelantan</p> <p>6) Biara Buddha</p> <p>7) China</p> <p>8) Bangkok</p> <p>9) Universiti Antarabangsa Nilai</p> <p>10) Akhai</p> <p>11) Anthong</p>
42.17	Anugerah yang diperoleh	<p>1) Tokoh Warisan Orang Hidup daripada Kerajaan Malaysia</p> <p>2) Tokoh Masyarakat Siam Malaysia oleh Kerajaan Negeri Kedah</p> <p>3) Tokoh Budaya Negeri Sembilan</p> <p>4) Tokoh Budaya Wilayah Persekutuan, Tokoh Budaya Sri Langka Sumatera Utara</p> <p>5) Tokoh Budaya Terpanuli Selatan Merga Sariga</p> <p>6) Tokoh Kemerdekaan Terengganu khusus untuk Besut</p> <p>7) Tokoh Anugerah Pemenang</p>

		<p>Anugerah Citra Sahabat DBP</p> <p>8) Tokoh Penasihat Sejarah Paduka Che Siti Wan Kembang dengan gelaran Yang Mulia Tuan Setia Wijayamala Paduka Raja Che Siti Wan Kembang</p>
45.45	Latar belakang pekerjaan	<ol style="list-style-type: none"> 1) Abdul Rahman Ismail 2) Institut Budaya 3) Jerteh, Besut 4) Sekolah Nasiruddin Shah, Besut 5) Pegawai Kebudayaan, Belia dan Sukan 6) Pegawai Kastam 7) Ahli Parlimen Besut 8) Datuk Wan Abdul Rahman 9) Kuala Lumpur 10) Pengarah Bahagian Jabatan Warisan Negara
55.29	Penglibatan dalam bidang seni dan warisan	<ol style="list-style-type: none"> 1) Mok Yong 2) Pak Wan Bidin 3) Nisah 4) Merdeka 5) Cikgu Siri 6) Tokoh Merdeka 7) Anugerah Tokoh Merdeka 8) Tukang Menura 9) Seri Panggung 10) Wayang Kulit 11) Ya
58.28	Koleksi buku-buku dan ilham dalam menulis karya	<ol style="list-style-type: none"> 1) Perdaraban Melayu Timur Laut 2) Siri Neng Buah 3) Asporasi Siam ke Tanah Melayu

		<ol style="list-style-type: none">4) Siam Kedah Jaminan Antarabangsa5) Melayu Timur Laut6) Datuk Aziz Rahman7) Mok Yong8) Malaysia9) Ibnu Fatutah10) Nabi Muhammad11) Universiti Prince of Songkla Pattani12) Fakulti Pengajian Islam13) Islam14) Pattani15) Kerajaan Melayu
--	--	---

Bahagian B : Latar Belakang Awang Selamat

MASA	PERKARA YANG DIBINCANGKAN	NAMA/TEMPAT DIRUJUK
9.20	Latar belakang Awang Selamat	1) Awang Selamat 2) Encik Awang bin Selamat 3) Kasim Selamat 4) Awang Si Jambul Lebat 5) Si Dewa-Dewa 6) Dewa Muda 7) Tuan Puan Raknomas 8) Mok Yong 9) Pengasuh Awang Si Jambul Lebat 10) Puteri Saadong 11) Saadong Kota Mahligai Kota Jelasin 12) Siam 13) Raja Abdullah 14) Raja Abdul Rahim 15) Bukit Marak 16) Aceh 17) Raja Makasar Raja Bugis 18) Tengku Anis binti Raja Razali
20.41	Kemunculan dan kewujudan Awang Selamat	1) Bukit Marak 2) Puteri Saadong 3) Dewa Bertara Guru 4) Dewa Sealam Tunggal 5) Pok Dogol 6) Nenek sidewa-dewa 7) Cahaya Mas 8) Cahaya Kaca

		9) Bukit Marak
26.48	Cara Awang Selamat berkomunikasi dengan Puteri Saadong	1) Awang Si Jambul Lebat 2) Puteri Ratnomas 3) Bukit Marak 4) Aceh 5) Puteri Hijau
28.51	Hubungan Awang Selamat kepada Puteri Saadong	1) Puteri Saadong 2) Raja Lah 3) Dewa Muda 4) Bukit Marak 5) Siam 6) Dewa Muda 7) Puteri Saadong 8) Cahaya Kaca 9) Cahaya Mas 10) Anak Raja Dewa 11) Raja Adil
2.16	Pertapaan Encik Siri Neng Buah	1) Izzati 2) Pasir Mas Kubur Siam
4.05	Sebab Awang Selamat lari ke bukit Marak bersama Puteri Saadong dan peninggalan yang terdapat di Bukit Marak	1) Bukit Marak 2) Raja Lah 3) Abdul Rahim 4) Kelantan 5) Puteri bunian
8.04	Tempat yang ada kaitan dengan kisah Awang Selamat dan sebab Awang Selamat mengaibkan diri	1) Puteri Cek Siti Wan Kembang 2) Gunung Reng 3) Batu Melintang 4) Gunung Cintawangsa 5) Sungai Nenggeri 6) Ketereh 7) Tanah Serendah Sekebun Bunga

		<p>8) Batu Gajah</p> <p>9) Kampung Batu Gajah</p> <p>10) Bukit Bunga</p> <p>11) Imam Mahadi</p>
--	--	---

Bahagian C : Perjalanan Hidup Awang Selamat

MASA	PERKARA YANG DIBINCANGKAN	NAMA/MASA DIRUJUK
13.09	Kejayaan Awang Selamat	<ol style="list-style-type: none"> 1) Puteri Saadong 2) Aceh 3) Cik Siti Wan Kembang 4) Dewa Muda 5) Ratnomas.
0.20	Penjelasan bahawa Puteri Saadong dan Suami memiliki sebuah negeri	<ol style="list-style-type: none"> 1) Puteri Saadong 2) Raja Abdullah 3) Jembal. 4) Negeri Jembal. 5) Kuala Krai 6) Cintawangsa Gunung Ayam 7) Cik Siti Wan Kembang 8) Jelasin 9) Kota Jelasin 10) Kampung Kota 11) Wakaf Jin 12) Siam 13) Kota Mahligai 14) Melor 15) Kampung Mahligai
1.59	Kaitan Puteri Saadong dengan Raja Siam	<ol style="list-style-type: none"> 1) Nam Meriam 2) Puteri Mariam 3) Kelantan 4) Ayutiya 5) Raja Narai 6) King Narai 7) Negeri Jembal 8) Cik Siti Wan Kembang

		<ul style="list-style-type: none"> 9) Raja Abdullah 10) Siam 11) Penghulu Nuh
8.26	Awang Selamat memujuk Puteri Saadong untuk pulang ke pangkuan suami melalui bisik-bisikkan	<ul style="list-style-type: none"> 1) Negara Siam 2) Raja
11.30	Saadong dikatakan melarikan diri ke Gunung Ayam dan peninggalan yang terdapat di tempat tersebut	<ul style="list-style-type: none"> 1) Gunung Ayam 2) Hulu Kelantan 3) Cik Siti Wan Kembang 4) Mak Yong 5) Bukit Keluang, Besut 6) Bukit Marak 7) Bukit Keluang 8) Bukit Puteri 9) Bukit Gelangi 10) Kota Gelangi
14.45	Mitos tentang kewujudan Puteri Saadong ketika Kelantan dilanda banjir	<ul style="list-style-type: none"> 1) Pantai Cahaya Bulan
15.49	Adakah Puteri Saadong yang ke-7 tahu tentang kisah dan kewujudan Awang Selamat	<ul style="list-style-type: none"> 1) Machang 2) Tengku Anis binti Tengku Razak 3) Pengkalan Chepa 4) Raja-Raja Jawa 5) Raja Jawa 6) Raja Jati

Bahagian D: Pesanan Pencerita Kepada Generasi Akan Datang

MASA	PERKARA YANG DIBINCANGKAN	NAMA/ TEMPAT YANG DIRUJUK
23:58	Kepentingan cerita tentang Awang Selamat kepada generasi akan datang.	
19:19	Nilai-nilai murni yang patut dicontohi.	<ol style="list-style-type: none">1. Awang Selamat2. Puteri Saadong3. Cik Siti Wan Kembang4. Gajah Mada5. Tengku Anis6. Nenek Kebayan
22:46	Cara menarik perhatian golongan muda tentang cerita mitos.	<ol style="list-style-type: none">1. Tuah2. Jebat3. Puteri Gunung Ledang4. Doraemon5. Awang Selamat
23:50	Nasihat untuk golongan muda tentang nilai-nilai sejarah.	
24:38	Semangat untuk memartabatkan warisan.	
25:59	Cara memartabatkan seni untuk masyarakat.	<ol style="list-style-type: none">1. Bangsal Semar2. Pejabat Kebudayaan3. Siam
28:18	Harapan untuk masyarakat tentang kesenian.	<ol style="list-style-type: none">1. Puteri Saadong2. Negara Arab3. Aceh



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Machang, Kelantan

PERJANJIAN MENGENAI SEJARAH LISAN

Syarat-syarat mengenai wawancara yang telah diadakan antara Universiti Teknologi MARA dengan Encik Siri Neng Buah Pada 25/4/2016

1. Pita rakaman hasil wawancara yang tersebut di atas adalah diserahkan kepada Universiti Teknologi MARA untuk disimpan buat selama-lamanya.
2. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA akan mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu untuk memelihara pita rakaman ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip pita rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh pengkisah (interviewee).
4. Pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negeri yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah tanpa syarat-syarat / dengan syarat: -

Apabila petikan diambil dari pita rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll. sumbernya hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

5. Adalah dipersetujui bahawa pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada penyelidik-penyelidik dalam dan luar negeri mulai dari 25/4/2016 (tarikh) dan tidak boleh dikeluarkan dalam sebarang media sosial atau tujuan penkomersilan.

Dipersetujui pada 25/4/2016 oleh kedua pihak yang berkenaan.

.....

Dr. Mohd Nasir Bin Ismail,
Ketua Pusat Pengajian,
Fakulti Pengurusan Maklumat
UiTM Kelantan.

7.3 SENARAI SOALAN

Soalan Bahagian A: Latar Belakang Pencerita

1. Boleh Pak Cik ceritakan tentang latar belakang Pak Cik ?
2. Apakah nama gelaran Pak Cik di kalangan masyarakat ?
3. Berapakah umur Pak Siri sekarang ?
4. Apakah nama bapa dan ibu Pak Siri ?
5. Adakah mereka masih hidup lagi ?
6. Bilakah Pak Siri dilahirkan dan dimana ?
7. Sudah berapa lama Pak Siri tinggal di Kampung Kok Seraya, Tumpat ?
8. Bilakah tarikh perkahwinan Pak Siri ?
9. Apakah nama isteri Pak Siri ?
10. Isteri Pak Siri berasal dari mana ?
11. Bagaimanakah Pak Siri berkenalan dengan isteri Pak Siri ?
12. Berapakah bilangan anak Pak Siri ?
13. Berapa lelaki dan perempuan ?
14. Boleh ceritakan tentang anak-anak Pak Siri ?
15. Adakah Pak Siri sudah mempunyai cucu ?
16. Dimanakah pendidikan awal Pak Siri ? Sekolah dimana ?
17. Apakah pendidikan tertinggi yang Pak Siri ambil ?
18. Dimanakah tempat pendidikan terakhir Pak Siri ?
19. Apakah pekerjaan Pak Siri ?
20. Dari bilakah Pak Siri menceburi bidang kesenian dan warisan ?
21. Sejak dari bila lagi minat dalam bidang kesenian dan warisan ?
22. Adakah anak-anak Pak Siri meminati bidang yang Pak Siri ceburi sekarang ini ?
23. Siapakah yang mendorong Pak Siri ?
24. Boleh Pak Siri ceritakan tentang kejayaan & pencapaian yang tertinggi dalam hidup Pak Siri ?
25. Adakah Pak Siri mendapat apa-apa pengiktirafan dari sesiapa ?
26. Berapakah anggaran anugerah yang telah Pak Siri terima?
27. Apakah anugerah yang paling berharga bagi Pak Siri?
28. Mengapakah ianya berharga?

29. Sudah berapa buah negara yang telah Pak Siri jelajah?
30. Diantara jumlah berikut, yang manakah mempunyai kenangan yang paling manis buat Pak Siri?
31. Mengapa ianya menjadi kenangan manis buat Pak Siri?
32. Adakah Pak Siri pernah ditemu ramah?
33. Siapakah yang menjadi tulang belakang untuk Pak Siri menceburi bidang seni dan warisan ini?
34. Berapakah jumlah buku yang menjadi koleksi peribadi Pak Siri?
35. Adakah Pak Siri berpuas hati dengan karya Pak Siri ?
36. Bagaimanakah Pak Siri mendapat ilham dalam menulis buku tentang sejarah ?
37. Manakah diantara berikut yang menjadi kegemaran Pak Siri?
38. Boleh ceritakan sinopsis buku tersebut?
39. Apakah pengorbanan yang telah Pak Siri lakukan dalam mengembangkan bidang kesenian dan warisan ini ?
40. Apakah halangan dan cabaran Pak Siri dalam mengembangkan bidang kesenian dan warisan ?

Soalan Bahagian B: Latar Belakang Awang Selamat

1. Siapakah Awang Selamat ?
2. Adakah cerita Awang Selamat ada kaitan dengan Wayang Kulit ?
3. Mengapakah Awang Selamat digelar sebagai Awang Si Jendul Lebat ?
4. Dimanakah Awang Selamat berada ?
5. Benarkah kewujudan Awang Selamat di Kelantan ?
6. Benarkah Awang Selamat yang dikatakan hanya muncul dalam jelmaan ?
7. Dimanakah tempat terakhir kemunculan Awang Selamat ?
8. Mengapakah Awang Selamat menjelma ? Ada sebab-sebab tertentu ?
9. Ketika munculnya jelmaan Awang Selamat, bagaimanakah keadaan beliau dan bentuk badannya ?
10. Adakah Awang Selamat bukan manusia biasa, tetapi ia adalah makhluk ghaib ?
11. Adakah ia sekadar mitos pada masyarakat dahulu ?
12. Mengapakah ada sesetengah masyarakat sangat taksub tentang kisah Awang Selamat ?
13. Mengapakah kisah Awang Selamat menjadi kisah dogeng di menarik di negeri Kelantan ?
14. Mengapakah Awang Selamat hanya berkomunikasi dengan hanya membisikkan kata-katanya kepada Puteri Sa'adong ?
15. Bolehkah Pak Siri berikan contoh bisikan-bisikan Awang Selamat ?
16. Apakah kaitan Puteri Sa'adong dengan Awang Selamat ?
17. Sejak bila lagi Awang Selamat menjadi hulubalang ataupun penjaga Puteri Sa'adong ?
18. Adakah Awang Selamat adalah orang kepercayaan Puteri Sa'adong ?
19. Mengapakah Awang Selamat sangat mengambil berat tentang Puteri Sa'adong ?
20. Benarkah Awang Selamat bersama-sama Puteri Sa'adong ke Bukit Marak di Bachok ?
21. Mengapakah Awang Selamat mengikuti Puteri Sa'adong ke Bukit Marak di Bachok ?
22. Apakah perninggalan Awang Selamat di puncak Bukit Marak ?
23. Benarkah Awang Selamat terpaksa meninggalkan kampung halamannya sendiri dan sanggup menempuh setiap halangan dan kesusahan bersama Puteri Sa'adong ?
24. Mengapakah Awang Selamat sangat setia dengan Puteri Sa'adong ?
25. Adakah Awang Selamat penyebab konflik antara Puteri Sa'adong dan Raja Abdullah ?
26. Adakah Awang Selamat yang memberi nama Bukit Marak ?
27. Mengapakah Awang Selamat membina sebuah istana di Bukit Marak ?

28. Benarkah kewujudan istana tersebut di Bukit Marak ?
29. Adakah Gunung Reng , Bukit Gunung Ayam, Sungai Golok dan Kampung Batu Gajah ada kaitan dengan Awang Selamat ?
30. Adakah Awang Selamat ghaib ataupun menghilangkan diri bersama-sama Puteri Sa'adong ?

Soalan Bahagian C: Perjalananan Hidup Awang Selamat

1. Awang Selamat dikatakan bukan manusia dan hanyalah makhluk ghaib. Adakah ia benar? Mengapa?
2. Apakah ciri-ciri fizikal Awang Selamat? Boleh Pak Siri terangkan?
3. Dikatakan wujud watak Awang Selamat didalam seni wayang kulit. Adakah ia benar?
4. Mengapakah watak Awang Selamat dihidupkan di dalam seni wayang kulit?
5. Apakah peranan watak tersebut?
6. Adakah ia mempunyai nama gelaran tersendiri didalam seni wayang kulit?
7. Mengapa ia dipanggil dengan nama gelaran tersebut?
8. Apakah cerita rakyat yang seringkali dikaitkan dengan Awang Selamat?
9. Apakah kejayaan yang telah Awang Selamat ciptakan?
10. Siapakah Puteri Sa'adong?
11. Apakah nama timangan bagi Puteri Sa'adong?
12. Beliau seringkali dikaitkan dengan Puteri Sa'adong. Apakah hubungan beliau dengan Puteri Sa'adong?
13. Bukit Marak seringkali dikaitkan dengan sejarah Negeri Kelantan. Apakah cerita disebalik Bukit Marak?
14. Apakah kejayaan Awang Selamat dengan Puteri Sa'adong?
15. Melalui rakyat tempatan, ramai yang memperkatakan bahawa Awang Selamat ada meninggalkan tapak kakinya di Bukit Marak. Adakah kenyataan ini benar atau rekaan semata?
16. Siapakah Puteri Sa'adong yang seringkali dikaitkan dengan Awang Selamat?
17. Siapakah suami kepada Puteri Sa'adong?
18. Dikatakan Puteri Sa'adong dan suami memiliki sebuah negeri. Apakah nama negeri tersebut?
19. Apakah kaitan Puteri Sa'adong dengan Raja Siam?
20. Siapakah Raja Siam tersebut?
21. Awang Selamat dikatakan berjaya memujuk Puteri Sa'adong untuk pulang kepangkuan suaminya hanya melalui bisikkannya. Apakah bisikan-bisikan tersebut?
22. Mengapakah Puteri Sa'adong mengikut Raja Siam pulang ke Thailand?
23. Apakah pengorbanan Puteri Sa'adong kepada rakyat jelata?

24. Pengorbanan Puteri Sa'adong terhadap suami dikatakan tiada tolak bandingnya. Apakah pengorbanan beliau?
25. Puteri Sa'adong dikatakan curang terhadap suaminya. Adakah benar?
26. Puteri Sa'adong dikatakan membunuh suaminya sendiri. Adakah benar?
27. Mengapakah beliau bertindak sedemikian?
28. Mengapakah Puteri Sa'adong melarikan diri ke Bukit Marak?
29. Selain Bukit Marak, Puteri Sa'adong juga dikatakan melarikan diri ke Gunung Ayam. Mengapa beliau bertindak sedemikian?
30. Apakah peninggalan Puteri Sa'adong dan Awang Selamat yang masih wujud sehingga kini?
31. Tempat terakhir Awang Selamat dan Puteri Sa'adong menetap?
32. Selain daripada kejayaan tersebut, apakah kejayaan lain yang Awang Selamat telah lakukan?
33. Dikatakan Puteri Sa'adong wujud sehingga kini. Adakah ia benar?
34. Ada yang mengatakan Puteri Sa'adong ada meninggalkan pinggang mangkuk beliau di atas Bukit Marak. Adakah benar?
35. Adakah terdapat barang-barang lain yang beliau tinggalkan di sana?
36. Dikatakan juga, Puteri Sa'adong memunculkan diri setiap kali Kelantan dilanda musibah banjir. Adakah ia benar atau rekaan rakyat semata?
37. Adakah benar cerita yang dikatakan berkenaan pasu pengasah golok Awang Selamat yang masih terdapat sehingga kini? Boleh Pak Siri jelaskan serba sedikit?

Soalan Bahagian D: Pesanan pencerita kepada generasi akan datang

1. Di dalam cerita Awang Selamat ini, apakah nilai-nilai murni yang patut dicontohi oleh masyarakat pada masa kini ?
2. Pada pendapat Pak Siri, adakah cerita Awang Selamat patut diketahui golongan muda pada masa kini ?
3. Bagaimanakah cara-cara untuk menarik minat golongan muda untuk mendalami ataupun mengetahui kisah-kisah dogeng contohnya kisah Awang Selamat ?
4. Apakah pesanan Pak Siri untuk golongan pada masa kini tentang kepentingan nilai-nilai sejarah dalam kisah Awang Selamat ?
5. Pada pendapat Pak Siri, adakah media sosial seperti whatapps, facebook dan lain-lain memainkan peranan untuk meningkatkan minat masyarakat pada masa kini tentang kisah-kisah dongeng pada masa dahulu ?
6. Adakah Pak Siri akan terus memartabatkan bidang kesenian dan warisan ini kepada generasi akan datang ?
7. Bagaimanakah kaedah yang Pak Siri gunakan dalam memartabatkan bidang seni dan warisan ini kepada masyarakat pada masa kini ?
8. Apakah harapan Pak Siri terhadap bidang kesenian dan warisan ini ?

7.4 DIARI KAJIAN

Tarikh	Tindakan
27/3/2016	Kami membuat kajian di Istana Jahar yang terletak di pusat Bandar Kota Bharu untuk mengetahui lebih lanjut tentang kisah atau cerita rakyat yang terdapat di negeri Kelantan. Kami telah menemui seorang kakitangan di Istana Jahar yang bernama Encik Nizam. Kami telah menemu ramah beliau dan beliau menceritakan kisah-kisah yang terdapat di Kelantan. Encik Nizam memberi cadangan kepada kami untuk membuat kajian tentang Awang Selamat. Beliau juga telah memberi cadangan kepada kami supaya menemu ramah seorang tokoh yang bernama Siri Neng Buah yang terletak di Tumpat, Kelantan.
4/4/2016	Kami berkunjung ke rumah Siri Neng Buah yang terletak di Kampung Kok Seraya Tumpat, Kelantan. Beliau telah menceritakan serba sedikit tentang latar belakang dirinya kepada kami. Siri Neng Buah adalah satu nama besar dalam Kesenian dan Warisan Negara. Beliau telah mencerita tentang latar belakang Awang Selamat dan kewujudan Awang Selamat dalam cerita rakyat negeri Kelantan. Kami akan menemu ramah Siri Neng Buah untuk mengetahui lebih lanjut tentang Awang Selamat.
15/4/2016	Kami mencari dan membaca maklumat tentang Siri Neng Buah dan kisah Awang Selamat di laman sesawang dan sebagainya.
18/4/2016	Kami membuat empat bahagian soalan yang akan ditemuramah mengenai Siri Neng Buah dan kisah-kisah Awang Selamat.
20/4/2016	Kami telah menghubungi Siri Neng Buah untuk memberitahu kepada beliau yang kami akan ditemuramah beliau pada 25/4/2016.
25/4/2016	Pada pukul 2.30 petang, kami telah sampai ke kediaman Siri Neng Buah di Kampung Kok Seraya, Tumpat Kelantan untuk ditemuramah beliau. Kami telah menyediakan soalan yang akan ditemuramah dan selama tiga jam, kami telah selesai untuk sesi temuramah Siri Neng Buah.
29/4/2016	Kami telah melakukan proses pengskripan audio yang telah direkod.

10/5/2016	Kami telah selesai untuk proses pengskripan audio yang telah direkod kepada satu transkrip.
20/5/ 2016	Kami telah selesai membuat index untuk transkrip.
25/5/2016	Kami telah selesai menyiapkan log wawancara yang telah ditemurah dan bersama-sama masa yang telah direkod dengan perkara yang telah ditemurah.
4/6/2016	Kami telah selesai membuat transkrip yang akan dibukukan kelak.
16/6/2016	Pada 16/6/2016 kami telah mencetak dan membukukan transkrip kepada dua salinan transkrip yang akan dihantar kepada Madam Kamariah.

8.0 INDEKS

A

Acheh 29,32,38,47, 48

Abdul Rahman Ismail 20

Akhai 19

Ahli Parlimen Besut 20

Anak Raja Dewa 33

An Thong 19

Anugerah Tokoh Merdeka 22

Ayutiya 39

Awang Selamat 5,6, 27,

Awang Si Jambul Lebat 27, 28, 32, 33, 34, 35, 36, 37, 38, 39, 40, 41, 42, 43, 44, 45, 48, 49,
54, 55, 56, 57, 58, 62, 63, 64, 65, 66, 67, 69

B

Bangkok 18

Bangsar Semar 46

Batu Melintang 36

Batu Gajah 36, 63

Bukit Besi 10

Bukit Bunga 36

Bukit Gelangi 42

Bukit Marak 5, 29, 31, 32, 34, 35, 38, 41, 42, 49

Besut *8, 9, 15, 19, 20, 41*

Biara Buddha *16*

C

Cahaya Mas *30, 31, 33*

Cahaya Kaca *30, 33*

Cik Siti Wan Kembang *38, 39, 41, 44*

Cikgu Siri *22*

Cintawangsa Gunung Ayam *39*

China *12, 18, 19*

D

Datuk Wan Abdul Rahman *21*

Datuk Aziz Rahman *25*

Dungun *9, 10, 14*

Dewa Bertara Guru *30*

Dewa Sealam Tunggal *30, 31*

F

Fakulti Pengajian Islam *26*

G

Gajah Mada *44*

Gunung Reng 36, 63

Gunung Cintawangsa 36

I

Institut Budaya 20

Ibnu Fatutah 25

Imam Mahadi 36, 37

Izzati 7, 49

J

Jebat 45

Jerteh, Besut 20

Jelasin 5, 28, 32, 39

Jembal 39

K

Kuala Lumpur 13, 21

Kampung Batu Gajah 36, 63

Kampung Keluang, Besut 8, 9

Kampung Kok Seraya 7, 15, 51, 60, 67

Kampung Mahligai 39

Kuala Dungun 10

Kuala Krai 39

Kelantan 3, 5, 7, 8, 11, 13, 15, 16, 29, 30, 31, 33, 34, 35, 36, 39, 40, 41, 42, 49

Kerajaan Melayu 26

Ketereh 36

Kota Gelangi 42

M

Machang 7, 42

Mok Yong 22, 23, 24, 25, 27, 28, 30

Melor 39

Merdeka 19, 22, 51

Melayu Timur Laut 24, 25

N

Nabi Muhammad 25

Negara Arab 47

Nenek Kebayan 45

Nenek Sidewa-dewa 30, 31

Nisah 22

P

Pattani 26

Pantai Cahaya Bulan 42

Pasir Mas Kubur Siam 33

Pejabat Kebudayaan 46

Pegawai Kebudayaan, Belia dan Sukan 13, 17, 20, 21, 52

Pegawai Kastam 20

Pengarah Bahagian Jabatan Warisan Negara 21

Peradaban Melayu Timur Laut 25

Puteri Gunung Ledang 45

Puteri Hijau 32

Puteri Mariam 39

Puteri Saadong 5, 28, 29, 30, 31, 32, 33, 34, 35, 36, 38, 39, 40, 41, 42, 43, 44, 47

Puteri Ratnomas 32

Pulau Daik 14

Pok Dogol 30

R

Raja Abdullah 5, 6, 29, 32, 34, 39, 40, 54

Raja Abdul Rahim 29, 34

Raja Adil 33

Raja Lah 32, 34

Raja Makasar Raja Bugis 29

Raja Narai 39

Raja-Raja Jawa 43

Raja Jawa 43

Ratnomas 32, 38

S

Saadong Kota Mahligai Kota Jelasin 28

Siri Neng Buah 3, 7, 25, 67,

Siam 3, 4, 5, 8, 9, 10, 19, 25, 26, 28, 29, 30, 32, 33, 39, 40, 51, 52

Sura Gate, Dungun 10

Sungai Nenggeri 5, 36

T

Tanah Serendah Sekebun Bunga 36

Tengku Anis 29, 42, 44

Tengku Anis binti Raja Razali 29

Tengku Anis binti Tengku Razak 42

Tok Pok Roh Raja Bomoh 10

U

Universiti Antarabangsa Nilai 19

Universiti Teknologi MARA 7, 10

Universiti Sains Malaysia 3, 13

Universiti Prince of Songkla Pattani 26

W

Wadhi Kap Chiam 15

Wayang Kulit 3, 8, 23, 24, 30, 62, 64